

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT,  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' JOHARI BIN ABDUL  
(SUNGAI PETANI)**

**TARIKH : 3 NOVEMBER 2021 (RABU)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI KANAN PERTAHANAN** menyatakan berapa jumlah unit dan harga perolehan ACV 300 Adnan yang dibeli oleh Kerajaan. Berapakah yang masih beroperasi dan berapa kos penyelenggaraan sejak dibeli hingga Ogos 2021.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan telah melaksanakan perolehan *Armoured Combat Vehicle, ACV 300 Adnan* secara berperingkat yang melibatkan 267 buah kenderaan dengan kos keseluruhan berjumlah RM1.324 billion.

Kesemua 267 buah kenderaan ini masih beroperasi dan kos keseluruhan bagi penyelenggaraan kenderaan tersebut sejak memasuki perkhidmatan sehingga kini adalah bernilai RM122.2 juta.

Terima kasih.